

# Pulang kerja tepuk dahi

■ **Pemilik parkir kereta berhampiran Stesen LRT Sungai Besi ditenggelami air**

Oleh Kalidevi Mogan  
Kumarappa dan Suraya Roslan  
am@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**“B**anjir kilat yang berlaku menda-dak tadi (sema-lam) menyebabkan lebih lima kereta yang diletakkan berhampiran Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Sungai Besi di sini, rosak diteng-gelami air,” kata salah se-orang peniaga, Mohd Saiful Azizi, 30.

Menurutnya, hujan lebat yang berlaku sejak jam 3 petang itu menyebabkan air banjir melimpah dan ber-takung sedalam lebih 0.6 meter di sepanjang jalan berhampiran pekan Sungai Besi di sini.

“Jalan sepanjang lebih 300 meter itu ditenggelami air dan tidak boleh dilalui ken-deraan ringan termasuk motosikal.

“Akibatnya berlaku kese-sakan lalu lintas sepanjang lebih satu kilometer dari arah tol Lebuhraya Sungai Besi di sini. Beratus kereta



**TRAK tentera meredah banjir, semalam.**

yang mahu melalui jalan itu menuju ke Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) terkand-as,” katanya.

Dia berkata, kebanyakan kereta yang tenggelam itu dipercayai milik pengguna LRT yang meninggalkan kenderaan mereka di stesen itu.

“Kenderaan yang terkand-as akibat banjir kilat itu hanya boleh melalui laluan itu sekitar jam 6.30 petang selepas banjir mula surut,” katanya.

Menurutnya, banjir kilat turut menenggelamkan ka-wasan pekan Sungai Besi di sini.